



مجلس بلدية كوانتان

Majlis Perbandaran Kuantan

Jalan Tanah Putih , 25100 KUANTAN.

Pahang Darul Makmur, Malaysia.

Tel: 09-5121555/666 Faks:09-5130644

www.mpk.gov.my



Ruj. Kami : Bil.(42) dlm.MPK/Y:D/T/5-138

Tarikh : 22 Oktober 2019

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YH. Dato/Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN PENGGUNAAN ePAYMENT (PAYMENT GATEWAY) MELALUI SISTEM OSC 3 PLUS ONLINE BAGI PEMBAYARAN FI PROSES PERMOHONAN CADANGAN PEMAJUAN.

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kerjasama pihak MAMPU, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Perbadanan Putrajaya telah membangunkan sistem baru iaitu OSC 3 Plus Online dan penggunaan ePayment (Payment Gateway) bagi tujuan memudahkan urusan pengemukaan permohonan cadangan pemaajuan.

3. Oleh yang demikian, bagi mempercepatkan dan memudahkan proses pembayaran fi proses permohonan ini, pemohon boleh membuat pembayaran melalui ePayment (Payment Gateway) menggunakan 2 kaedah iaitu **Kad Kredit** atau **FPX (Foreign Payment Exchange)**.

4. Sehubungan dengan itu, **kaedah pembayaran** ini akan digunapakai di Majlis Perbandaran Kuantan untuk **semua jenis permohonan** cadangan pemaajuan berkuatkuasa pada **1 November 2019**.

Kerjasama dan perhatian dari pihak tuan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

' Kuantan Indah Lestari '

Saya yang menjalankan amanah

(DATO' HAMDAN BIN HUSSIN, DIMP., SAP., AAP,AMP.)

Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Kuantan

afiq/desktop/surat osconline3plus KE PSP epayment

